Setulus Kasih

Dengan Ingatan Tulus Ikhlas
Daripada

PENGETUA & SELURUH WARGA

SMK BAROH PIAL

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BAROH PIAL,
17200 RANTAU PANJANG, KELANTAN.

KEPADA :

.....

.....

.....

SEULAS BICARA

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadrat Illahi dengan izin dan rahmat-NYA penerbitan BIPRISMA edisi ke-20 bagi sesi 2025/26 dapat direalisasikan. Semoga suka, duka, tawa, hiba dan warna-warni kehidupan semua warga SMK Baroh Pial sepanjang sesi ini dapat disimpan sebagai momen yang terindah buat semua warga sekolah. Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memastikan penerbitan BIPRISMA edisi ke-20 ini menjadi realiti. Penghargaan yang tidak terhingga juga terutamanya kepada semua barisan AJK guru dan pelajar sidang redaksi BIPRISMA edisi ke-20, 2025/26 yang telah memberi sepenuh komitmen semasa sesi penggambaran, mengumpul maklumat dan proses pendokumentasian. Diharapkan BIPRISMA dapat terus unggul dan semakin mantap tahun demi tahun dalam mencerminkan wajah sebenar SMK Baroh Pial di mata warga sekolah khususnya dan masyarakat umumnya.

Pn. Hasriati Binti Hasan
S/U BIPRISMA 2025

INTISARI

- PROLOG
- KATA ALU-ALUAN
- LAPORAN PENGETUA
- BADAN RASMI SEKOLAH
- KURIKULUM
- KOKURIKULUM & KERDIPAN
- RETROSPEKTIF
- MINDA KREATIF
- ALBUM KENANGAN & NOSTALGIA
- IKLAN & AUTOGRAF

JAWATANKUASA GURU

Pengerusi:	En. Yahaya Bin Mohd Noor
Setiausaha:	Pn. Hasriati Binti Hasan
Fotografi:	En. Zakaria Bin Ripin
	Pn. Asmawani Binti Kamaruddin
Karya Pelajar:	Cik Sarini Binti Md. Yusuf (Bahasa Melayu)
	Pn. Wan Intan Adlina BintiWan Abdullah (Bahasa Inggeris)
Data Sekolah:	En. Che Rozlan Bin Che Will
Kurikulum:	Pn. Rosmahiran Binti Mustapha
Kokurikulum:	Pn. Roslina Binti Junoh
	Pn. Zuraihan Binti Mohd Zin
Iklan:	Tn. Syed Mohd Zulkifli Bin Syed Ali

SIDANG REDAKSI
BIPRISMA SMK BAROH PIAL 2025/2026



Duduk Dari Kiri: Pn. Hasriati, En. Mat Yaakob, En. Hassanudin, En. Yahaya, En. Zariman, Tn. Syed Mohd Zulkifli, En. Zakaria
Baris Kedua Dari Kiri: Amirul Fitri Aiman, Cik Sarini, Pn. Wan Intan Adlina, Pn. Asmawani, Pn. Rosmahiran, Abdul Hazim
Baris Ketiga Dari Kiri: Nur Amalin Wahida, Nia Amalin Taqwa, Mia Raudhah, Nur Nisrina Farisya, Nur Mia Danisha, Noor Syuhana


WELCOME
WE ♥ SMKBP
#SEMPURNA, BERGUNA, TERNAMA...
ASRAMA
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BAROH PIAL
17200 RANTAU PANJANG KELANTAN
PEMBERITAHUAN
MAKLUMAN PELAWAT
DEWAN AL BAASITH
SMK BAROH PIAL



PROLOG



Sejarah Sekolah

Sekolah Menengah Kebangsaan Baroh Pial telah dibina di atas Lot 4239, Kampung Bukit Tandak Mukim Gual Periok, daerah Rantau Panjang di bawah jajahan Pasir Mas. Pada peringkat awal tapak sekolah ini dicadangkan di Kampung Baroh Pial, namun disebabkan oleh beberapa masalah teknikal, sekolah ini akhirnya dibina di Kampung Bukit Tandak. Walaubagaimanapun nama Baroh Pial terus dikekalkan sebagai nama sekolah walaupun tapaknya telah berubah. Kampung – kampung yang berhampiran dengan sekolah ini ialah Kampung Kubang Kuau, Kampung Gual Bunut, Kampung Bukit Saji, Kampung Gual Pasir dan Kampung Baroh Pial juga berhampiran dengan kawasan Felcra Bukit Tandak. Jarak sekolah ini dari Bandar Rantau Panjang ialah lebih kurang 14 KM.

Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Baroh Pial ini telah bermula pada 31 Disember tahun 2002 dan siap sepenuhnya pada 22 Jun 2004. Pada tahun tersebut juga tiga orang Penolong Kanan telah ditugaskan ke sekolah tersebut sebelum ia dibuka sepenuhnya untuk sesi persekolahan pada 2 Januari 2005. Pengetua pertama sekolah ini ialah Pn. Norasimah binti Abdul. Rasi. Semasa mula – mula dibuka seramai 15 orang guru dan dua orang staf sokongan telah melapor diri. Seterusnya jumlah guru telah bertambah kepada 22 orang, manakala staf sokongan pula bertambah kepada lima orang. Hanya pelajar tingkatan satu dan tingkatan empat yang memulakan sesi persekolahan di SMK Baroh Pial pada tahun tersebut. Jumlah pelajar ialah 350 orang. Tiga aliran kelas diwujudkan untuk pelajar tingkatan satu iaitu Kelas Rancangan Khas, Kelas Sukan dan Kelas Saluran. Pelajar yang ditempatkan di Kelas Rancangan Khas ialah yang mendapat keputusan cemerlang dalam UPSR, manakala pelajar yang cemerlang dalam sukan pula ditempatkan di Kelas Sukan. Pelajar yang belajar di SK kubang Kuau, SK Baroh Pial dan SK Banggol Petai pula ditempatkan di Kelas Saluran. Bagi pelajar tingkatan empat pula mereka ditempatkan dalam dua aliran kelas iaitu aliran Sains dan Sastera. **SMK Baroh Pial telah mencatat sejarah tersendiri kerana dalam usia masih muda telah terpilih menjadi tuan rumah dalam Kejohanan Merentas Desa peringkat Negeri Kelantan.**

Pada tahun 2006 jumlah guru telah bertambah menjadi 38 orang dan dibantu oleh 10 staf sokongan. Jumlah pelajar pada tahun tersebut telah meningkat kepada 577 orang. Pada tahun tersebut juga Pusat Sumber Sekolah yang hanya mempunyai tiga koridor iaitu perpustakaan, bilik APD dan bilik BBM telah dibuka untuk kemudahan pelajar. Di samping itu koperasi sekolah juga mula beroperasi sepenuhnya pada tahun tersebut. Banyak kemudahan sekolah yang telah dapat digunakan bermula tahun 2006. Kini SMK Baroh Pial mempunyai seramai 63 orang guru, 12orang staf sokongan dan 520 orang pelajar.

Sekolah ini banyak mencapai kejayaan sepanjang 20 tahun beroperasi. Diharapkan dengan pentadbiran pengetua En Yahaya bin Mohd Noor lebih banyak kejayaan akan terus dilakar tahun demi tahun bagi menjadikan sekolah ini sekolah yang cemerlang dalam bidang akademik, kokurikulum mahupun sahsiah.

FALSAFAH, VISI, MISI & MOTO

FALSAFAH	Melahirkan modal insan yang seimbang dari segi akademik, kokurikulum dan sahsiah serta dapat memberi sumbangan ke arah kemajuan keluarga, agama, bangsa dan negara
VISI	Pendidikan berkualiti insan terdidik negara sejahtera
MISI	Melestarikan sistem pendidikan yang berkualiti untuk membangunkan potensi individu bagi memenuhi aspirasi negara
MOTO	Sempurna, berguna, ternama

LAGU SEKOLAH

Indahnya sungguh indah,
Di puncak singgahsana,
Tersergam megah menghiasi desa,
SMK Baroh Pial...

Kami bertekad dalam perjuangan,
Belajar terus belajar,
Kemahiran sains dan teknologi, ICT,
Penjana kecemerlangan kami...

Ilmu, amal dan takwa kepada Tuhan,
Ikrar kami untuk semua,
Semoga terus gemilang,
Di persada pendidikan...

Sempurna, Berguna, Ternama,
SMK Baroh Pial...

Lirik: En. Ainuddin bin Ahamad
Lagu: En. Md Noor bin Che Hassan



SCAN ME

LENCANA SEKOLAH

اقراء

Tulisan Jawi

Membaca sebagai amalan yang penting terutama untuk mendapat ilmu.

Warna Merah
Melambangkan keberanian, keyakinan dan kekuatan iman.

Warna Biru
Melambangkan kecintaan kepada sekolah dan lambang perpaduan warga sekolah.



Geometri dan Pergerakan Atom
Melambangkan akademik turut di utamakan bagi melahirkan generasi yang berguna kepada masyarakat dan negara.

Mortar Board
Belajar sehingga ke peringkat tertinggi iaitu universiti.

Buku dan Pena
Melambangkan ilmu

Warna Putih
Melambangkan kehormatan sekolah.

Warna Kuning
Melambangkan kejujuran dan kepatuhan kepada peraturan dan undang-undang serta setia kepada raja.

BENDERA SEKOLAH



	Warna Jingga	Melambangkan sifat sabar dan tabah dalam menempuh dugaan hidup.
	Warna Putih	Melambangkan kehormatan sekolah.
	Warna Merah	Melambangkan keberanian, keyakinan dan kekuatan iman.
	Warna Kuning	Melambangkan kejujuran, kepatuhan kepada peraturan dan undang-undang sera kesetiaan kepada raja.

WARGA PENDIDIK



Duduk Dari Kiri: Pn. Hasriati, Pn. Nik Hasmina, Pn. Rohaida, Pn. Mazura, Pn. Nik Zaleha(GKSM), En. Mat Yaakob (PKKO), En. Hassanudin (PKP), En. Yahaya (Pengetua), En. Zariman (PKHEM), Tn. Hj. Ibrahim (GKB), Ustaz Razali, En. Zakaria, Pn. Roslina, Pn. Suria, Pn. Rosaini

Baris Kedua Dari Kiri: Ustazah Rohana, Pn. Cik Zubaidah, Cik Sarini, Pn. Siti Noor Fa'udah, Pn. Wan Fairuz, Pn. Norzahidah, Pn. Rahani, Pn. Asmawani, Pn. Siti Hajar, Pn. Suriani, Pn. Kamariah, Pn. Hjh Sahirah, Pn. Hjh Noor Hayati, Pn Hjh Maznah, Pn. Hjh Siti Patimah, Pn. Wan Intan Adlina, Pn. Maryana

Baris Ketiga Dari Kiri: Pn. Rubiah, Pn. Wan Nur Shahira, Cik Fatimah, Pn. Hjh Sharinah, Pn. Hazlina, Pn. Rozelina, Pn. Hasmah, Pn Rosmahiran, Pn. Roosaniza Anis, Pn. Hjh Juraini

Baris Keempat Dari Kiri: En. Mohd Roslan, En. Mohamad Nazif, En. Norazi Anuar, En. Muhammad Fazre Nazwan, Tn. Syed Mohd Zulkifli, En. Mohd Zakey, En. Khalid, En. Muhamad Naziree, En. Abdul Halim, Ustaz Zulkifli, En. Hasli@Asli, En. Mohd. Faizal

STAF SOKONGAN



Duduk Dari Kiri: Pn. Nik Zaleha, En. Mat Yaakob, En. Hassanudin, En. Yahaya, En. Zariman, Tn. Hj Ibrahim, En. Che Mohd Khairulanuar

Baris Kedua Dari Kiri: En. Mohd Khairi Eduan, Pn. Normasiha, Pn. Nor Azira, Pn. Nadzatul Azreena, Pn. Hjh Nonie Norlidawati, Pn. Nik Anis Afiqah, Pn. Che Sharifah, Cik Syazwani, En. Roslah

JABATAN BAHASA



JABATAN SAINS DAN MATEMATIK



JABATAN TEKNIK VOKASIONAL



JABATAN SAINS SOSIAL



SCAN ME

UNIT PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI (PPKI)



KELAB WARGA 2024/2025



Pengerusi : Tn. Hj Ibrahim Bin Yusoff
Naib Pengerusi : Pn. Suria Binti Yusof
Setiausaha : Pn. Hazlina Binti Mahmud
Pen. Setiausaha : Pn. Roosaniza Anis Binti Abdullah
Bendahari : Pn. Hasimah Binti Mohd Zin
Pen. Bendahari : Pn. Hjh Sharinah Binti Hanapi
Ajk : 1. Pn. Mazura bt Yusoff
2. Cik Fatimah bt Musa
3. En. Abdul Halim b Ismail
4. Pn. Nor Azira Binti Mohd Sayuti

JAWATANKUASA PIBG



Ex Officio	: En. Yahaya Bin Mohd Noor (Pengetua SMK Baroh Pial)
	: En. Zulkifli Bin Nor (Penolong Kanan Pentadbiran)
	: En Mohd Saupi Bin Jusoh (Penolong Kanan Hal Ehwal Murid)
	: En. Mohd Zuladnan Bin Abd Rahman (Penolong Kanan Kokurikulum)
Yang Dipertua	: Pn. Hazizah Binti Abdullah
Naib Yang Dipertua	: En. Muhamad Bin Jaafar
Setiausaha	: En. Hasli@Asli Bin Abdullah
Bendahari	: Pn. Hjh Maznah Binti Yaacob
AJK Guru	: En. Hasli Bin Abdullah
	: Pn. Maznah Binti Yaacob
	: Pn. Suria Binti Yusof
	: Pn. Siti Noor Fau'udah Binti Hassan
	: Pn. Rosmahiran Binti Mustapha
	: Pn. Nik Anis Afiqah Binti Radin Alam Sah
	: En. Norozi Anuar Bin Yakob
AJK Ibu Bapa	: Pn. Sakirah Binti Ibrahim
	: Pn. Zuraida Binti Ya
	: Pn. Hasniza Binti Hasim
	: En. Nazli Bin Awang
	: En. Nazori Bin Yunus
	: En. Zulkifli Bin Mohd Hassan
Juruaudit Dalaman	: En. Che Rozlan Bin Che Will (wakil guru)
	: Pn. Rubiah Binti Dollah (wakil guru)
	: Pn. Hamidah Binti Hamid (wakil ibu bapa)

PENGAWAL KESELAMATAN



PEKERJA SWASTA



PEDULI

DRIVER
Guru melaksanskan peranan sebagai pendorong demi merangsang minat pelajar untuk berjaya.

UNLOCKER
Guru melaksanakan peranan untuk merangsang dan membantu mengembangkan bakat pelajar.



PARENTIS
Guru melaksanakan peranan memberi kasih sayang dan melindungi anak anak di sekolah sesuai dengan konsep loco de parentis.

INTERACTIVE
Guru membina Komunikasi berkesan dengan seluruh warga dan pemegang taruh supaya maklumat dapat disampaikan dengan lebih berkesan serta dapat mengelakkan salah faham akibat maklumat yang kurang jelas.

EDUCATOR
Guru melaksanakan peranan mendidik dan membimbing pelajar supaya mereka menjadi manusia yang berketerampilan pada masa hadapan.

LOVING
Guru membina hubungan mesra dan penuh kasih sayang serta saling hormat dengan semua warga SMKBP.



KATA ALU-ALUAN



Kata Alu-Aluan

MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI.
Warga pendidik, warga sekolah, murid-murid dan ibu bapa yang saya kasihi,

Pendidikan yang bermakna lahir daripada perancangan serta visi yang teliti, pelaksanaan yang berfokus dan nilai kemanusiaan yang memandu setiap langkah. Dalam konteks ekosistem pendidikan di peringkat sekolah, pendidikan bukan hanya berlaku di bilik darjah, tetapi tumbuh melalui budaya ilmu, hubungan kemanusiaan dan kerjasama seluruh warga sekolah. Justeru, penerbitan majalah sekolah merupakan cerminan perjalanan sebuah komuniti pendidikan, rakaman iltizam guru yang membimbing, usaha murid yang tidak pernah mengenal penat serta sokongan ibu bapa dan komuniti dalam membentuk masa depan negara. Tahniah dan syabas kepada Sidang Redaksi atas usaha gigih menerbitkan majalah sekolah ini. Semoga majalah ini menjadi dokumen sejarah yang menyimpan memori, membina inspirasi dan menyebarkan nilai pendidikan yang bermakna kepada generasi akan datang.

Tahun 2025 membuka lembaran baharu dalam usaha memajukan sistem pendidikan negara. Reformasi Pendidikan kini memasuki fasa pengukuhan melalui agenda Reformasi Sekolah yang menumpukan kepada kemenjadian murid secara menyeluruh serta pembangunan sekolah sebagai ekosistem yang hidup, manusiawi dan berdaya tahan. Pendekatan ini memberi tumpuan kepada pengupayaan sekolah mengikut keperluan sebenar masing-masing melalui tiga kategori pembangunan, iaitu Sekolah Fokus, Sekolah Aspirasi dan Sekolah Inspirasi. Reformasi ini mengiktiraf potensi setiap sekolah untuk maju melalui usaha yang bersasar, terancang dan progresif.

Tahun ini turut mencatat detik penting dalam sejarah pendidikan negara dengan pelaksanaan Rang Undang-undang (RUU) Pendidikan (Pindaan) 2025 yang memastikan setiap anak di Malaysia mendapat pendidikan wajib sehingga peringkat menengah. Usaha ini mencerminkan komitmen terhadap hak kemanusiaan, keadilan sosial dan masa depan negara. Akses kepada pendidikan merupakan tanggungjawab bersama dan Kementerian Pendidikan melaksanakan intervensi secara konsisten dan sistematik bagi menangani isu keciciran yang bersifat pelbagai dimensi, termasuk faktor kemiskinan, geografi, psikososial dan kekangan keluarga.

Pada masa sama, kita melangkah ke arah pendidikan masa hadapan melalui fasa transisi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2026- 2035 dan Kurikulum Persekolahan 2027. Reformasi ini membentuk sistem pendidikan yang lebih dinamik dan relevan, namun tetap berpaksikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Dalam perjalanan pendidikan negara, kita sedar bahawa sekolah tidak boleh bergerak sendirian. Seperti yang sering diungkapkan, "It takes a village to raise a child". Justeru, setiap sekolah harus berkembang sebagai sebuah ekosistem yang hidup. Matlamat kita bukan sekadar melahirkan murid yang cemerlang dalam peperiksaan, tetapi insan yang beradab, berakhlak, mempunyai empati, menghormati perbezaan dan bertanggungjawab kepada masyarakat. Inilah asas pembentukan Generasi MADANI yang kita impikan. Kejayaan pendidikan memerlukan kebersamaan seluruh komuniti. Guru memimpin dengan bimbingan, ibu bapa mendidik dengan kasih sayang dan komuniti menyokong dengan kebersamaan.

Akhir bicara, setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga pendidikan yang telah berbakti dengan penuh amanah. Setiap insan di sekolah memainkan peranan bermakna dalam membina kecemerlangan pendidikan. Guru besar memimpin arah, guru membimbing dengan kesabaran, pengawal keselamatan memastikan kesejahteraan, pekerja kebersihan menjaga persekitaran yang selesa dan pengusaha kantin menyediakan rezeki harian murid. Kesepaduan inilah yang menjadikan sekolah sebuah keluarga besar yang bersama-sama membina harapan, impian dan masa depan generasi. Semoga usaha bersama ini terus menyemarakkan kecemerlangan pendidikan dan melahirkan Generasi MADANI yang berilmu, berakhlak, berjati diri dan berbakti kepada agama, bangsa dan negara. Dengan tekad yang padu dan semangat yang tidak pernah luntur, insya-Allah masa depan pendidikan negara akan terus gemilang.

YB FADHLINA SIDEK
Menteri Pendidikan



Kata Alu-Aluan

KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak sekolah atas usaha murni menerbitkan majalah sekolah bagi tahun 2025 ini. Majalah sekolah bukan sahaja menjadi wadah untuk merakamkan kenangan, malah turut berperanan sebagai medium penting dalam menyampaikan aspirasi pendidikan dan membudayakan ilmu dalam kalangan warga sekolah.

Tahun 2025 merupakan satu fasa penting dalam landskap pendidikan negara. Kita sedang berada dalam era di mana reformasi pendidikan menjadi tonggak utama ke arah melahirkan Generasi MADANI yang berdaya saing, berfikiran kritis, dan memiliki adab, akhlak dan sahsiah terpuji. Dalam konteks ini, kerjasama erat antara guru, murid, ibu bapa dan komuniti amatlah diperlukan untuk merealisasikan hasrat ini.

Majalah sekolah ini menjadi cerminan usaha sekolah dalam mendidik dan melahirkan insan yang holistik dalam aspek akademik, kokurikulum, dan sahsiah. Saya percaya, setiap artikel, gambar, dan kisah yang dimuatkan dalam majalah ini adalah hasil kerja keras, komitmen, dan kreativiti warga sekolah. Ini menjadi bukti bahawa potensi generasi muda kita amatlah besar dan perlu terus digilap.

Saya menyeru agar warga sekolah terus berusaha gigih dalam menjayakan agenda pendidikan negara. Besar harapan saya agar semua murid menjadikan pendidikan sebagai kunci kejayaan dalam hidup. Teruskanlah menimba ilmu, amalkan nilai-nilai murni, dan menghargai jasa guru yang tidak pernah jemu mendidik.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan majalah ini. Semoga ia menjadi inspirasi dan rujukan berharga kepada seluruh warga sekolah serta generasi masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

DATUK HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN



Kata Pengantar

Syukur kehadrat Allah SWT kerana saya diberi peluang menyampaikan kata-kata dalam majalah sekolah ini. Bagi pihak Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, saya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak sidang pengarang majalah sekolah atas komitmen ini. Segala isi kandungan dalam buku ini merupakan rangkuman aktiviti yang telah dilaksanakan di sekolah. Semoga penerbitan majalah ini menjadi medium perkongsian maklumat kepada warga sekolah, walaupun media sosial telah mengambilalih fungsi media cetak.

Sesungguhnya dalam usaha memacu kecemerlangan kurikulum, kokurikulum dan sahsiah diri, semua pihak perlu fokus kepada Kesepaduan dalam Kepimpinan. Ini bermaksud memperkasakan enam perkara (P6P) dalam Inspirasi **WELEAD** Pengarah Pendidikan. Enam inspirasi bermula dengan Pengurusan Berkualiti, Pendigitalan Guru dan Murid, Pemimpin Sekolah Berkesan, Pedagogi Guru, dan Peningkatan STEM. Hal Ini bertujuan untuk memastikan Nilai Teras KPM dan Prakarsa Pendidikan Madani disambut dan dilaksanakan di semua peringkat pendidikan secara menyeluruh.

Justeru segala tanggungjawab yang diamanahkan perlulah berdasarkan perancangan strategik. Selain berdasarkan data dan fakta, perlu seiring dengan hasrat Pelan Pembangunan pendidikan 2013-2025. Seterusnya para pendidik perlu terus berusaha agar dapat mencari serta mencipta peluang dalam melaksanakan tugas. Begitu juga dengan kepimpinan sekolah perlu proaktif bagi memantapkan ketrampilan kepimpinan demi impak kemenjadian murid dan seterusnya menjana kecemerlangan sekolah.

Sebagai mengakhiri prakata ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga sekolah yang terlibat dengan penerbitan ini. Semoga kita semua bergerak secara sederap dan sentiasa cemerlang dalam semua bidang pengurusan.

Sekian, terima kasih.

"KESEPADUAN KEPIMPINAN"
"WE LEAD"

DATO' HJ.MOHD ZAMRI HJ.ABDUL AZIZ D.P.S.K., P.S.K.
PENGARAH PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN

KATA ALU-ALUAN



PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH PASIR MAS

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada seluruh warga sekolah atas usaha dan komitmen dalam menerbitkan majalah sekolah bagi tahun ini.

Majalah sekolah merupakan medium yang bukan sahaja merakamkan perjalanan dan pencapaian sesebuah institusi pendidikan, malah menjadi cerminan kepada semangat, kreativiti dan identiti pelajar serta guru. la juga menjadi bukti bahawa pendidikan bukan hanya berlaku di dalam bilik darjah, tetapi juga melalui pengalaman, kerjasama dan penglibatan aktif dalam pelbagai aktiviti sepanjang tahun.

Saya amat berbangga dengan usaha yang ditunjukkan oleh warga sekolah dalam melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak dan berdaya saing. Kecermelangan tidak lahir secara kebetulan, tetapi hasil daripada usaha gigih, kesungguhan padu dan usaha semua pihak guru, murid, ibu bapa dan komuniti.

Semoga majalah ini menjadi kenangan manis buat semua, dan terus menjadi sumber inspirasi untuk melangkah lebih jauh pada masa hadapan.
Sekali lagi, tahniah dan syabas!

Sekian, terima kasih.

TUAN HAJI FAUZI BIN YAZID
Pegawai Pendidikan Daerah Pasir Mas

KATA ALU-ALUAN



PENGETUA SMK BAROH PIAL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, kita dapat menerbitkan majalah sekolah edisi ke-20 bagi tahun 2025/2026. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga sekolah, khususnya sidang redaksi, atas usaha gigih menerbitkan majalah ini.

Majalah sekolah bukan sekadar wadah untuk mengabadikan kenangan indah, tetapi juga berfungsi sebagai medium untuk menyampaikan aspirasi pendidikan sekolah dan memupuk budaya ilmu dalam kalangan warga sekolah. la mencerminkan usaha sekolah dalam melahirkan insan yang holistik, cemerlang dari segi akademik dan kokurikulum, serta mempunyai sahsiah yang terpuji.

Dalam era globalisasi yang pantas berubah, kita perlu sentiasa beriltizam untuk mencapai kecemerlangan. Saya menyeru kepada seluruh pelajar untuk merebut setiap peluang untuk menimba ilmu, mengasah bakat, dan berusaha tanpa jemu demi masa depan yang lebih cerah. Kerjasama erat antara ibu bapa dan guru juga merupakan tunjang penting untuk menjayakan agenda pendidikan negara.

Akhir sekali, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan majalah ini. Semoga segala usaha kita diberkati dan sekolah ini terus melakar kejayaan yang gemilang dalam setiap bidang yang diceburi.

Sekian, terima kasih.

YAHAYA BIN MOHD NOOR
Pengetua SMK Baroh Pial

KATA ALU-ALUAN



YANG DIPERTUA PIBG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Sebagai pembuka kata saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana diberikan ruang dan kesempatan yang sangat berharga ini. Syabas saya ucapkan kepada sidang Redaksi BIPRISMA SMKBP kerana mampu meneruskan penerbitan majalah sekolah edisi ke-20 bagi tahun 2025/2026. Sesungguhnya, kenangan dan pengalaman seseorang semasa di alam persekolahan amat berharga buatnya.

Penerbitan majalah BIPRISMA ini sangat bagus memandangkan ianya merupakan catatan dan rakaman penting aktiviti kurikulum dan kokurikulum sepanjang tahun 2025 ini. Dalam kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua guru yang tidak jemu dalam mendidik para pelajar untuk menjadi insan yang berguna. Lantaran itu, para pelajar perlulah memperkasa diri dan mempunyai kekuatan daya juang serta dava saing untuk memajukan diri.

Saya berharap warga SMKBP dapat mengekalkan semangat kerjasama dan komitmen agar arena penerbitan majalah ini dapat berfungsi sebagai penyambung dan menyebarkan maklumat berkaitan dengan kegiatan sekolah.

Akhir kata, marilah bersama-sama kita memikul amanah yang diberi Allah SWT dengan penuh keikhlasan dan mudah-mudahan usaha ini diberkati oleh-Nya dan menjadi amal soleh yang akan kita kecapi kelak.

Sekian, terima kasih.

HAZIZAH BINTI ABDULLAH
Yang Dipertua PIBG SMK Baroh Pial

KATA ALU-ALUAN



KETUA PELAJAR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada sidang redaksi majalah BIPRISMA atas kejayaan menerbitkan majalah sekolah yang istimewa ini. Terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk mencoretkan sepatah dua kata dalam majalah ini.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua guru yang telah banyak membimbing, menegur dan memberi tunjuk ajar sepanjang kami menimba ilmu di SMK Baroh Pial ini. Jasa dan pengorbanan ini tidak akan kami lupakan walau di mana jua kami berada.

Kepada semua pelajar terutamanya yang bakal menduduki SPM, teruslah berusaha dengan gigih tanpa mengeluh agar mencapai kecemerlangan dan dapat terus melangkah ke peringkat yang lebih tinggi. Semoga kita semua menjadi insan yang bertaqwa yang sentiasa mematuhi dan menghormati ibu bapa serta guru.

Manfaatkanlah waktu remaja ini untuk mengecapi kebahagiaan sambil mencipta beribu kenangan di samping rakan-rakan yang menjadi peneman. Semoga dengan penerbitan majalah BIPRISMA ini dapat dijadikan kenang-kenangan buat kita selepas melangkah keluar dari alam persekolahan. Terima kasih sekali lagi buat rakan-rakan dan guru-guru yang sama-sama mencipta momen indah sepanjang lima tahun di SMK baroh Pial.

Sekian, terima kasih



MUHAMMAD HAFIZUDDIN BIN ELIAS
Ketua Pelajar SMK Baroh Pial

KATA ALU-ALUAN



EDITOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ilahi kerana dengan izinnya kita dapat menerbitkan sekali lagi majalah BIPRISMA sesi 2025/2026. Saya berharap majalah ini dapat menjadi kebanggaan dan lambang kemegahan sekolah untuk dipersembahkan kepada semua warga SMK Baroh Pial .

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen, idea serta kerjasama yang amat bermakna dalam menjayakan penerbitan majalah BIPRISMA ke-20 ini.

Majalah ini memaparkan pelbagai suka dan duka kita sepanjang tahun 2025/2026. Selain itu, ia juga memberi pelajar peluang untuk berkarya dan mencipta kenangan di SMK Baroh Pial.

Akhir kata , saya dengan rasa rendah diri menyusun jari memohon kemaafan bagi pihak AJK Redaksi jika sepanjang kami menjalankan tugas ada menyinggung mana-mana pihak. Saya berharap warga SMK Baroh Pial akan sentiasa berganding bahu bagi memajukan diri dan sentiasa mengharumkan nama SMK Baroh Pial.

Sekian , terima kasih.

NUR AMALIN WAHIDA BINTI MOHD ALIMI
Editor BIPRISMA



LAPORAN PENGETUA

MAKLUMAT SEKOLAH

SMK Baroh Pial telah dibuka pada 02.01.2005. Sekolah ini terletak di Kampung Bukit Tandak, Rantau Panjang, Kelantan. Pelajar-pelajar sekolah ini terdiri daripada pelajar sekolah saluran dan juga sekolah-sekolah lain yang bukan saluran. Sekolah-sekolah saluran bagi SMK Baroh Pial adalah:



Sekolah Kebangsaan Baroh Pial

Sekolah Kebangsaan Banggol Petai

Sekolah Kebangsaan Kubang Kuau

Senarai nama pengetua yang telah berkhidmat:



Jumlah keseluruhan kelas bagi tahun 2025 dan pembahagiannya adalah seperti berikut:

TING.	ALIRAN	BIDANG	BIL KELAS	L	P	JUM
1	Perdana / Akademik	Tiada Bidang	5	63	49	**112**
2	Perdana / Akademik	Tiada Bidang	5	53	41	**94**
3	Perdana / Akademik	Tiada Bidang	5	45	52	**97**
4	Perdana / Akademik	Teknologi	2	22	28	**50**
4	Perdana / Akademik	Kemanusiaan	2	19	10	**29**
4	Perdana / Akademik	Sains	1	5	15	**20**
5	Perdana / Akademik	Teknologi	2	20	21	**41**
5	Perdana / Akademik	Kemanusiaan	2	16	8	**24**
5	Perdana / Akademik	Sains	1	4	10	**14**
Kelas Khas Menengah	Pendidikan Khas	Pembelajaran	5	31	8	**39**
Jumlah			**30**	**278**	**242**	**520**

Perincian tenaga pengajar SMK Baroh Pial :

Gred Jawatan	Lelaki	Perempuan	Jumlah
DG9	1	0	**1**
DG10	2	10	**12**
DG12	8	17	**25**
DG13	5	7	**12**
DG14	4	9	**13**
Jumlah	**20**	**43**	**63**

Bilangan guru bagi setiap matapelajaran :

Bil	Matapelajaran	Jumlah Guru
1	Bahasa Melayu	**9**
2	Bahasa Inggeris	**6**
3	Pendidikan Islam	**7**
4	Matematik	**9**
5	Sains	**8**
6	Sejarah	**7**
7	Geografi	**4**
8	Tasawwur Islam	**2**
9	Biologi	**1**
10	Fizik	**1**
11	Kimia	**2**
12	Perniagaan	**2**
13	Prinsip Akaun	**1**

Bil	Matapelajaran	Jumlah Guru
14	Pendidikan Seni Visual	**6**
15	Matematik Tambahan	**1**
16	Sains Komputer	**1**
17	Ekonomi	**1**
18	Pendidikan Jasmani & Kesihatan	**14**
19	Pendidikan Khas	**8**
20	Reka Bentuk Teknologi	**5**
21	Asas Sains Komputer	**2**

Maklumat staf sokongan SMK Baroh Pial:

BIL	JAWATAN	JUMLAH
1	Ketua Pembantu Tadbir	**0**
2	Pembantu Tadbir	**1**
3	Penyelia Asrama	**1**
4	Pembantu Makmal	**6**
5	Pembantu Khidmat Am	**2**
6	Pembantu Pengurusan Murid	**2**
JUMLAH		**12**

Bilangan pelajar anak yatim:

Pelajar Perempuan
22 orang

Pelajar Lelaki
20 orang



SELAMAT DATANG KE SMK BAROH PIAL

NAMA	Jawatan	DARI SEKOLAH
En. Muhammad Fazre Nazwan Bin Ab Razak	Guru Penolong	SMK Iskandar Shah, Jasin Melaka
En. Zariman Bin Johari	PK HEM	SMK Bunut Susu, Pasir Mas
Pn. Rosaini Binti Ab Rasid	Guru Penolong	SMK Taman Kenari, Kulim Kedah
Pn. Rohaida Binti Yahya @ Yusoff	Guru Penolong	SMK Sultan Ahmad Shah, Cameron Highland Pahang
En. Hassanudin Bin Yusuf	PK Pentadbiran	SMK Sri WAngi, Gua Musang Kelantan
Pn. Zainun Binti Awang	Guru Penolong	SMK Tengku Bendahara, Gua Musang Kelantan
Cik Syazwani Binti Yahya@ Yusoff	Pembantu makmal	Penempatan pertama
Cik Nadzatul Azreena Binti Afandi	Pembantu Pengurusan Murid	Penempatan pertama
En. Mohd Roslan Bin Safi.ain	Guru PPKI	SMK Chetok

JASAMU DIKENANG

NAMA	Jawatan	KE SEKOLAH
En. Mohd Saupi Bin Jusoh	PK HEM	SMK Chetok, Pasir Mas
En. Zulkifli Bin Nor	PK Pentadbiran	SMK Sri Kiambang, Pasir Mas
Pn. Roslina Binti Ibrahim	Guru Penolong	SMK Sri Kiambang, Pasir Mas
Pn. Nor Azira Binti Mohd Sayuti	Pembantu Makmal	SMK Tanjung Bunga, Tanah Merah
En. Wan Shahman Bin Wan Zainudin	Ketua Kerani	JPN Kelantan

ANUGERAH DAN PENGHARGAAN

ANUGERAH PENCAPAIAN CEMERLANG SPM PPD PASIR MAS, 2024



- Peningkatan Layak Mendapat Sijil (LMS) 3 Tahun
- Emas Pendidikan Seni Visual (GPMP 1.00)
- Gangsa Pendidikan Moral (GPMP 3.00)
- Gangsa Prinsip Perakaunan (GPMP 3.56)
- Gangsa Sains Komputer (GPMP 3.83)
- Lompatan Saujana Layak Mendapat Sijil (LMS)
- Perak Geografi (GPMP 2.00)
- Gangsa Bahasa Melayu (GPMP 3.42)
- Gangsa Tasawwur Islam (GPMP 3.63)

PENGHARGAAN PENCAPAIAN CEMERLANG SPM JPN KELANTAN, 2024



- Gred purata mata Pelajaran terbaik, Pendidikan Seni Visual

PROGRAM TRANSFORMASI ASRAMA, PERINGKAT NEGERI KELANTAN





Pencapaian :

- Tempat ke-3

ANUGERAH PENGGUNAAN AKTIF DELIMa



PENGHARGAAN HARI PENDIGITALAN PPD PASIR MAS



Penceramah : Pn. Wan Intan Adlina Binti Wan Abdullah

PENARAFAN 5K ASRAMA SEKOLAH HARIAN, NEGERI KELANTAN



Pencapaian :

- Terbaik Kecemerlangan Sukan Dan Kokurikulum Sekolah Menengah

KUNJUNG BIMBING KELAB DOKTOR MUDA HEPILI DAERAH PASIR MAS



MAJLIS ANUGERAH DAN PENGHARGAAN PENDIDIKAN KHAS, PPD PASIR MAS





- Anugerah Kebolehpasaran Tertinggi (100%)
- Anugerah Prestasi Cemerlang Kehadiran (>90%) Sekolah Menengah
- Anugerah Kecemerlangan Inklusif Tertinggi (100%) Sekolah Menengah
- Anugerah Pengelola Kejohanan Merentas Desa Pendidikan Khas MSSD Pasir Mas Kali Ke-4, 2025
- Anugerah Jurulatih :
    1. Pn. Noor Diyana Binti Nooral Bilad Satria (Jurulatih utama Kebangsaan Kurikulum)
    2. En. Zakaria Bin Ripin (Jurulatih Olahraga Pendidikan Khas Negeri)
    3. En. Norozi Anuar Bin Yakob (Pengerusi Teknik Dan Pembangunan Sukan)
    4. Pn. Norzahidah Binti Abdullah (Jurulatih Sukan Stacking)

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN



- Pn. Che Jah Bin Abdullah
- Pn. Hjh Noor Hayati Binti Yusoff

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH PASIR MAS



- En. Mohd Saupi Bin Jusoh
- Pn. Suria Binti Yusof
- Pn. Hamidah Binti Ashari
- Pn. Nor Azira Binti Mohd Sayuti



BADAN RASMI SEKOLAH

PENGAWAS SEKOLAH



PENGAWAS PUSAT SUMBER

PEMBIMBING RAKAN SEBAYA

PENGAWAS SPBT & KOPERASI

EXCO ASRAMA

PENGAWAS KELAS


SCAN ME
The expert in anything was once a beginner.



KURIKULUM

ANALISIS PENCAPAIAN MATA PELAJARAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025 (SPM 2025)
SMK BAROH PIAL

KELULUSAN AM		GAGAL DAPAT SIJIL		GAGAL SEMUA M/PEL		GPS
BIL LULUS	%	BIL	%	BIL	%	
97	97	3	3	0	0	5.13

CALON BERDAFTAR	HADIR	T.HADIR	LULUS	SEMUA A				BUKAN SEMUA A								
				9A	8A	7A	6A	8A	7A	6A	5A	4A	3A	2A	1A	0A
101	100	1	93	0	0	0	0	0	2	0	8	10	8	12	23	34

KECEMERLANGAN	BIL LULUS	LULUS SEMUA M/PEL				JUM	BILANGAN GAGAL MATA PELAJARAN						JUM
		9	8	7	6		G1	G2	G3	G4	G5	G6	
2025	97	10	16	10	0	36	18	10	9	7	0	0	44

MATA PELAJARAN	KOD MATA PEL	DAFTAR	HADIR	KECEMERLANGAN			KEP.ATAS		KEP.BAWAH		LULUS		LULUS SEMUA		GAGAL		GPMP	TH
				A+	A	A-	B+	B	C+	C	D	E						
				BIL	BIL	BIL	BIL	BIL	BIL	BIL	BIL	BIL	JUM	%	JUM	%		
BM	1103	101	100	4	12	26	15	15	11	6	6	5	100	100.00	0	0.00	3.42	1
SJ	1249	101	100	2	3	6	10	15	9	12	32	8	97	97.00	3	3.00	5.37	1
BI	1119	101	98	1	1	7	6	7	8	6	14	27	77	78.57	21	21.43	6.53	3
PI	1223	100	96	2	8	12	12	14	11	11	4	8	82	85.42	14	14.58	4.82	4
MAT	1449	101	99	0	13	1	3	7	8	6	16	17	71	71.72	28	28.28	6.34	2
SN	1115	86	76	0	5	6	6	8	9	15	12	8	69	90.79	7	9.21	5.43	10
ADD MATH	3472	15	15	0	0	0	0	0	1	2	1	4	8	53.33	7	46.67	7.93	0
PSV	2611	13	13	3	7	3	0	0	0	0	0	0	13	100.00	0	0.00	1.00	0
PA	3756	9	9	0	4	1	1	0	0	0	1	2	9	100.00	0	0.00	3.56	0
EKON	3765	20	20	0	1	1	4	4	5	1	3	1	20	100.00	0	0.00	4.55	0
PN	3766	14	14	0	1	1	0	2	2	1	7	0	14	100.00	0	0.00	5.43	0
SNK	3770	6	6	0	1	0	1	2	1	1	0	0	6	100.00	0	0.00	3.83	0
FIZ	4531	15	15	0	0	1	0	3	2	5	3	1	15	100.00	0	0.00	5.53	0
KIM	4541	15	15	0	0	1	1	2	3	2	2	4	15	100.00	0	0.00	5.73	0
BIO	4551	9	9	0	0	0	1	1	2	3	1	1	9	100.00	0	0.00	5.56	0
SRT	3769	7	7	0	0	0	0	0	1	0	6	0	7	100.00	0	0.00	6.71	0
GEOG	2880	24	24	1	2	5	8	5	2	1	0	0	24	100.00	0	0.00	3.00	0
TW	5226	27	27	0	3	4	6	6	3	5	0	0	27	100.00	0	0.00	3.63	0

PELAJAR CEMERLANG SPM 2024

1	MOHAMMAD HARITH ZIKRY BIN MAZLAN	**7A**
2	ALYA AZIMAN BINTI ATIK	**7A**
3	MUHAMAD ZURKARNAIN BIN ZAINODIN	**6A**
4	MOHAMAD HAZAM BIN MOHAMAD ABU BAKRI	**5A**
5	MUHAMMAD FARISH FIKHRIY BIN ROSLI	**5A**
6	MUHAMMAD ZAKWAN BIN ZULKIFLI	**5A**
7	MOHAMAD AMERUDIN BIN HASSAN	**5A**
8	NUR SYAHADAH INTAN NADIA BINTI MOHD NOR	**5A**
9	NURUL HAIDA NOR' AIN BINTI ISMAIL	**5A**
10	ROZILA A/P EH CHOY	**5A**
11	NUR FATIN NABIHAH BINTI AZMAN	**4A**
12	NIK MUHAMAD HAKIMI BIN NIK MOHD MUSSI	**4A**
13	NUR AIN MAISARAH BINTI JUNAIDI	**4A**
14	NURUL IMAL BINTI SULAIMAN	**4A**
15	NUR DAHLIA MALIHAH BINTI IBRAHIM	**4A**
16	NUR ERISHA ADRIANA BINTI MOHD AFERA	**4A**
17	SITI NURHAZIRAH BINTI HARITH FADDILLAH	**4A**
18	MUHAMMAD KAMAL BIN MAIL	**3A**
19	MUHAMMAD NABIL MUHAIMIN BIN NAZLI	**3A**
20	NUR AIN BATRISYA BINTI ZAILANI	**3A**
21	NUR ASYIKIN BINTI OTHMAN	**3A**
22	MUHAMAD ALIF IKHWAN BIN SHAFIEI	**3A**
23	MUHAMAD YUSUF ADAM BIN MOHD ROMZI	**3A**
24	MUHAMMAD AFIQ BIN HASMADI	**3A**
25	NOOR SYUZILAWANI BINTI MOHD NAZAN	**3A**

BIODATA PELAJAR CEMERLANG SPM 2024



Nama:
Mohammad Harith Zikry Bin Mazlan
Alamat:
Felcra Bukit Tandak 17200 Rantau Panjang Kelantan
Tingkatan:
5 Ekonomi
Cita-cita:
Akauntan
Sek. Lama sebelum SMKBP:
Sekolah Kebangsaan Kubang Kuau
Pencapaian:
SPM: 7A
UPSR: 1A

Jawatan semasa di SMKBP:
Ketua Asrama
Kegemaran:
Bermain bola sepak
Faktor kejayaan:
Sokongan keluarga, bimbingan guru dan disiplin diri
Pendorong:
Ibu bapa dan guru yang sentiasa memberi galakan

Prinsip hidup:
"Usaha tangga kejayaan"
Pekerjaan bapa:
Buruh
Pekerjaan ibu:
Buruh
Bil. Ahli keluarga:
5 orang

Persepsi terhadap SMKBP:
Sekolah yang cemerlang dari segi akademik dan kokurikulum serta mempunyai guru yang berdedikasi.
Ucapan kepada guru:
Terima kasih kepada semua guru yang telah mendidik dan membimbing saya dengan penuh kesabaran. Jasa dan pengorbanan guru tidak akan saya lupakan.



Nama :
Alya Aziman Binti Atik
Alamat :
No 40, Jalan Ikhlas, Bandar Tun Razak, 56000, Kuala Lumpur
Tingkatan :
5 Perniagaaan
Cita cita :
Pilot
Sek lama sebelum SMKBP :
Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah
Pencapaian:
SPM: 7A 1B+
UPSR: 1A 3B 2C

Kegemaran :
Ice Skating
Faktor kejayaan :
Kejayaan ini tercapai hasil daripada disiplin diri, sokongan keluarga, serta dorongan guru-guru yang sentiasa memberi bimbingan dan semangat. Selain itu, semangat untuk memperbaiki diri dan tidak mudah berputus asa juga menjadi kunci utama dalam mencapai kejayaan.
Pendorong :
Ibu bapa dan guru guru

Prinsip hidup :
Sentiasa berusaha sebaik mungkin dalam setiap perkara dan percaya bahawa setiap usaha, walaupun kecil, tetap membawa hasil jika dilakukan dengan ikhlas dan konsisten.
Pekerjaan bapa :
Technical Manager
Pekerjaan ibu :
Suri Rumah
Bil ahli keluarga :
5 orang

Persepsi terhadap SMKBP :
Sekolah ini bukan sekadar tempat belajar, tetapi juga ruang yang membentuk disiplin, keyakinan diri dan semangat untuk berjaya. Guru-gurunya berdedikasi, rakan-rakannya saling menyokong, dan suasananya sangat membantu pelajar berkembang dari segi akademik dan sahsiah.
Ucapan kepada guru :
Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua guru yang telah mendidik dengan penuh kesabaran, keikhlasan dan kasih sayang. Segala ilmu dan nasihat yang diberikan akan sentiasa dihargai dan dijadikan panduan dalam menempuh masa depan.

PELAJAR SPM 2024 YANG BERJAYA KE IPT

INSTITUT	NAMA
Kolej Matrikulasi Kelantan	1. Nurul Haida Nor' Ain Binti Ismail 2. Rozila A/P Eh Choy
UITM Machang	1. Mohamad Amerudin Bin Hassan 2. Nurul Shafina Bt Ab Aziz
Politeknik Kota Bharu	Mohd Shahril Ramadhan Bin Mohd Abdullah
Politeknik Kuantan	Mohd Nazri Bin Mohd Akipi
Kolej Poly-Tech Mara, Kota Bharu	Nur Asyikin Binti Othman
Kolej Poly-Tech Mara, Bangi	Nur Ain Batrisya Binti Zailani
Kolej Teknologi Darul Naim	Nor Alya Najwa Binti Pauzi
Kolej Profesional Mara, Bandar Penawar	Noor Syassabila Bt Ahmad Junaidi
Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernetics, Kuala Lumpur	1. Ahmad Syahmi bin Sayuti 2. Mohamad Ikhmal Rizal Bin Kamaruddin
Unitar College Kota Bharu	1. Siti Suhaila Binti Norman 2. Roslin Haida Binti Mohd Husin 3. Ahmad Alif Haikal Bin Abdullah 4. Nor Amnie Madihah Binti Muhammad Amran 5. Nur Aryani Binti Zamri 6. Nur Aryana Binti Zamri
ADTEC Shah Alam	Muhammad Nazem Musyrif Bin Mohd Tazudin
Universiti Geomatika Malaysia Kuala Lumpur	Nur Atikah Adilah Bt Abdul Manaf
Malaysia Airlines Berhad Academy	Alya Aziman Binti Atik
German-Malaysian Institute	Nur Ain Maisarah Binti Junaidi
Tingkatan Enam (STPM)	1. Mohammad Danny Eshar Bin Zukri Kini 2. Nik Muhamad Hakimi Bin Nik Mohd Mussi 3. Nur Aleya Maisara Bt Abu Hasan 4. Noor Syuzilawani Binti Mohd Nazan 5. Nor Anis Bt Razak 6. Nor Ellysya Camelia Bt Sasri 7. Nur Alyaa Mysara Binti Muhammad Amirul 8. Adam Ahnaf Bin Mohd Asri 9. Noraiffa Najiha Bt Mohd Rusni 10. Siti Nurhazirah Binti Harith Faddillah 11. Muhammad Shahrul Imam Bin Salleh 12. Nurul Huda Binti Mat Nasir 13. Nur Erisha Adriana Binti Mohd Afera 14. Yasmin Ibtisan Binti Mustafar 15. Nurul Imal Binti Sulaiman 16. Mohammad Akmal Rizal Bin Mazlan 17. Nur Dahlia Malihah Bt Ibrahim 18. Nur Fatihah Insyirah Bt Mat Rifin 19. Mohd Alif Ikhwan Bin Shafiei 20. Siti Maisarah Bt Huzalman 21. Mohammad Byehakiem Bin Yuswari


Untuk menjadi
orang yang
berjaya, disiplin
diri adalah
kunci utama.



KO-KURIKULUM

RUMAH HIJAU

RUMAH SUKAN



Pencapaian :

Merentas Desa – Tempat Pertama
Kejohanan Olahraga – Tempat Pertama
Sukantara – Tempat Pertama
Pertandingan Perbarisan – Tempat ke-3

RUMAH MERAH

RUMAH SUKAN



Pencapaian :

Merentas Desa – Tempat ke-2
Kejohanan Olahraga – Tempat ke-3
Sukantara – Tempat ke-3
Pertandingan Perbarisan – Tempat ke-2
Olahragawati Kejohanan Olahraga – Siti Nur Ain Maisarah Binti Alias (2 Emas)

RUMAH BIRU

RUMAH SUKAN



Pencapaian :

Merentas Desa – Tempat ke-3
Kejohanan Olahraga – Tempat ke-4
Sukantara – Tempat ke-4
Pertandingan Perbarisan – Tempat Pertama

RUMAH KUNING

RUMAH SUKAN



Pencapaian :

Merentas Desa – Tempat ke-4
Kejohanan Olahraga – Tempat ke-2
Sukantara – Tempat ke-2
Pertandingan Perbarisan – Tempat ke-4
Olahragawan Kejohanan Olahraga Sekolah dan MSSD – Mohd Iqbal Bin Abdul Halim (3 Emas)

KADET REMAJA SEKOLAH

BADAN BERUNIFORM



KADET BOMBA DAN PENYELAMAT

BADAN BERUNIFORM



KADET POLIS

BADAN BERUNIFORM



PERSATUAN PUTERI ISLAM

BADAN BERUNIFORM



PERSATUAN BULAN SABIT MERAH

BADAN BERUNIFORM



PENGAKAP

BADAN BERUNIFORM



SCAN ME

PERSATUAN BAHASA MELAYU

PERSATUAN



PERSATUAN BAHASA INGGERIS

PERSATUAN



PERSATUAN STEM

PERSATUAN



PERSATUAN SEJARAH

PERSATUAN



PERSATUAN GEOGRAFI

PERSATUAN



PERSATUAN PENDIDIKAN AGAMA ISLAM

PERSATUAN



SCAN ME

KELAB SENI VISUAL

KELAB



KELAB KERJAYA (BIMBINGAN DAN KAUNSELING)

KELAB



KELAB PENCINTA ALAM

KELAB



KELAB PELABURAN BIJAK PNB

KELAB



KELAB PENGGUNA

KELAB



KELAB MALAYSIAKU

KELAB



KELAB REKACIPTA

KELAB



KELAB DOKTOR MUDA

KELAB



SCAN ME

OLAHRAGA

KELAB SUKAN DAN PERMAINAN



SEPAK TAKRAW

KELAB SUKAN DAN PERMAINAN



BOLA SEPAK

KELAB SUKAN DAN PERMAINAN



BOLA BALING

KELAB SUKAN DAN PERMAINAN



BOLA JARING

KELAB SUKAN DAN PERMAINAN



BOLA TAMPAR

KELAB SUKAN DAN PERMAINAN



BADMINTON

KELAB SUKAN DAN PERMAINAN



PING PONG

KELAB SUKAN DAN PERMAINAN



CATUR

KELAB SUKAN DAN PERMAINAN



SCAN ME

YOU MISS 100% OF THE SHOTS YOU DON'T TAKE.





KERDIPAN

OLAHRAGA

KERDIPAN



Pencapaian :

Bil.	Nama Peserta	Acara	MSSD	MSSK	MSSM
1	Muhammad Iqbal Bin Abdul Halim	Lompat Tinggi	Emas	Perak	* penyertaan
		Lompat Jauh	Emas	Perak	
		4 X 100m		Gangsa	
		100 meter	Emas		
2	Muhammad Amirul Zakwan Bin Mohd Fauzi	Merejam Lembing	Emas	Gangsa	
		Lontar Peluru	Emas		
		Lempar Cakera	Perak		
3	Muhammad Shahrul Ridwan Bin Manuru	Lempar Cakera	Emas		
4	Muhammad Qayyum Bin Rusdy	5000 meter Jalan Kaki	Gangsa		
5	Haniya Hasana Zeti Binti Azham	Merejam Lembing	Emas	Perak	
		Lempar Cakera	Emas		
		Lontar Peluru	Perak		
6	Siti Norshafika Bt Mohamed Tamizi	3000 meter Jalan Kaki	Gangsa		
7	Muhammad Thaqif Bin Zaidi	110 meter berpagar	Gangsa		
8	Nur Nadia Bt Badree	800M	Emas		
		1500m	Perak		
		3000m	Gangsa		
9	Nazatul Madihah Bt Zakaria	5000m Jalan kaki	Perak		
		400m	Perak		
		800m	Gangsa		
10	Siti Alya Bt Adnan	5000m Jalan kaki	Gangsa		

MERENTAS DESA

KERDIPAN



Pencapaian :

Bil.	Nama Peserta	MSSD	MSSK
1	Muhamad Zulhaika Bin Mansor	No. 5	
2	Mohamad Qayyum B Rusdy	No. 9	
3	Muhammad Aqil Bin Rozali	No. 10	
4	Nur Alisya Damia Binti Mohamad Hidayat	No. 7	
5	Siti Nur Ain Maisara Binti Alias	No. 3	Penyertaan
6	Nur Nadia Badree	No. 5	Penyertaan
7	Nazatul Madihah Binti Zakaria	No.6	Penyertaan
8	Muhammad Alif Aziz Bin Sutia	No.7	Penyertaan

MERENTAS DESA PPKI

Pencapaian :

1. Mohamad Farish Ikhwan Shah bin Abdul Ghani
   - Tempat Ke-2 (B19L)
2. Wan Nasharuddin bin Wan Rosmaidi
   - Tempat ke-8 (B19L)
3. Aiman bin Adnan
   - Tempat ke-6 (B15L)
4. Siti Nur Maisarah binti Muhammad
   - Tempat ke-3 (B19P)
